

## **Kompetensi Pengurusan Praktikum dan Peranan Pensyarah Pembimbing di Institusi Pendidikan Swasta: Satu Tinjauan Awal**

### *Practicum Management Competencies and the Role of Mentoring Lecturers in Private Educational Institutions: A Pilot Study*

**Kamarulnizam Sani<sup>1</sup>, Muhammad Hanif Ali<sup>2</sup>,  
Nurul Hanim Rahiman<sup>3</sup>, Siti Fazlyana Mat Husin<sup>4</sup>**

<sup>1,2,3,4</sup> Universiti Islam Selangor, Malaysia

Email: [1kamarulnizam@uis.edu.my](mailto:kamarulnizam@uis.edu.my), [2hanif@uis.edu.my](mailto:hanif@uis.edu.my), [3nurulhanim@uis.edu.my](mailto:nurulhanim@uis.edu.my),  
[4sitifazlyana@uis.edu.my](mailto:sitifazlyana@uis.edu.my)

#### **ABSTRAK**

Pelaksanaan latihan praktikum dalam kalangan guru pelatih merupakan mekanisme dalam mendidik bakal guru untuk menghayati dan mendalami jiwa sebenar seorang guru. Kajian kualitatif ini dilaksanakan bagi mengenalpasti kompetensi pengurusan praktikum dan peranan pensyarah pembimbing di Institusi Pendidikan Swasta (IPS). Objektif kajian mempunyai dua fokus iaitu meneroka kompetensi pengurusan praktikum dan meneliti peranan pensyarah pembimbing dalam proses pengurusan praktikum di Institusi Pendidikan Swasta. Peserta kajian terdiri daripada dua orang iaitu penyelaras latihan praktikum dan pensyarah pembimbing. Peserta kajian ini dipilih berdasarkan pemilihan bertujuan. Data dianalisis melalui proses yang kompleks dan berterusan untuk mengenal pasti corak, tema, serta makna yang terkandung dalam data yang dikumpul melalui perisian NVIVO Versi 12. Dapatan kajian bagi kompetensi pengurusan latihan praktikum telah menghasilkan lima tema utama iaitu tema polisi dan presedur yang mempunyai sub tema seperti penentuan kelayakan pelajar, pengurusan permit dan adaptasi polisi berdasarkan panduan dan tradisi. Tema kedua merupakan aspek penyeliaan yang mempunyai sub tema seperti peranan penyeliaan daripada pensyarah pembimbing serta sokongan kepada pensyarah dan guru pembimbing. Tema ketiga adalah komunikasi yang mempunyai sub tema seperti saluran komunikasi yang digunakan dan strategi untuk meningkatkan komunikasi. Tema keempat merupakan dokumentasi yang mempunyai sub tema seperti jenis dokumen utama dan pelarasan dokumentasi. Tema kelima adalah penilaian yang mempunyai sub tema penilaian instrumen untuk guru pelatih serta maklum balas dan cabaran. Rumusan kajian menunjukkan bahawa keberkesanan pengurusan praktikum bergantung kepada kejelasan polisi, kecekapan komunikasi, penglibatan aktif penyelia, serta ketelusan penilaian dan dokumentasi. Seterusnya cadangan kajian ini perlu melibatkan lebih ramai peserta dari pelbagai Institusi Pendidikan Swasta bagi memperoleh gambaran yang lebih menyeluruh, serta meneroka perspektif guru pelatih sendiri terhadap keberkesanan pengurusan praktikum yang dilaksanakan.

*Kata kunci: Kompetensi; Pengurusan, latihan Paraktikum; Guru Pelatih; IPS*

#### **ABSTRACT**

*The implementation of practicum training among teacher trainees is a mechanism in educating prospective teachers to appreciate and deepen the true soul of a teacher. This qualitative study was conducted to identify practicum management competencies and the role of mentor lecturers at Private Educational Institutions (IPS). The study objectives have two focuses, namely exploring practicum management competencies and examining the role of mentor lecturers in the practicum management process at Private Educational Institutions. The study participants consisted of two participants, namely the practicum training coordinator and mentor lecturer. The participants in this study were selected based on purposive selection. The data was analyzed through a complex and continuous process to identify patterns, themes, and meanings contained in the data collected through NVIVO Version 12 software. The study findings for practicum training management competencies have*

*produced five main themes, namely the theme of policies and procedures which has sub-themes such as determining student eligibility, permit management and policy adaptation based on guidelines and traditions. The second theme is the aspect of supervision which has sub-themes such as the role of supervision from mentor lecturers and support for lecturers and mentor teachers. The third theme is communication which has sub-themes such as communication channels used and strategies to improve communication. The fourth theme is documentation which has sub-themes such as main document types and documentation adjustments. The fifth theme is evaluation which has sub-themes of instrument evaluation for trainee teachers as well as feedback and challenges. The study summary shows that the effectiveness of practicum management depends on policy clarity, communication competence, active involvement of supervisors, and transparency of evaluation and documentation. Furthermore, this study proposal needs to involve more participants from various private institutions to obtain a more comprehensive picture, as well as explore the trainee teachers' own perspectives on the effectiveness of practicum management implemented.*

*Keywords: Competence; Management, Practicum training; Trainee Teacher; IPS*

## **PENDAHULUAN**

Pengurusan praktikum merupakan komponen penting dalam melahirkan guru pelatih yang cemerlang di institusi pendidikan, khususnya di institusi pendidikan swasta. Keberkesanan program praktikum sangat bergantung pada bagaimana ia diuruskan. Ini merangkumi penyediaan guru pembimbing yang berpengalaman, perancangan dan pemantauan sesi praktikum, serta penilaian prestasi pelajar semasa latihan praktikum dijalankan (Ahmad, 2016). Dalam konteks ini, kajian bertujuan untuk meneroka bagaimana kompetensi pengurusan praktikum dan meneliti peranan pensyarah pembimbing di institusi pendidikan swasta di Malaysia.

Pengurusan praktikum yang dirancang dengan teliti dan teratur dapat mempertingkatkan kemahiran mengajar guru pelatih dalam keadaan sebenar di lapangan (Ujang, 2016). Asas pengurusan praktikum yang bersistematik dipelopori oleh Institusi Pendidikan Awam (IPTA). Tempoh guru pelatih menjalankan latihan praktikum juga adalah bersesuaian untuk mereka yang mengaplikasikan pengetahuan teori kepada kemahiran praktikal di bilik darjah. Pengurusan praktikum di IPTA memerlukan pembangunan garis panduan yang ketat agar dapat mencapai guru pelatih yang cemerlang dan berkualiti. Menurut Sulaiman (2024), di antara aspek garis panduan praktikum di IPTA termasuk pemilihan sekolah dan guru pembimbing, penglibatan pelbagai pihak dan sistem penilaian berstruktur. Program praktikum di IPTA terus berperanan penting dalam melahirkan guru yang berkualiti, melalui pendekatan pengurusan yang berfokus kepada pembinaan kemahiran pedagogi dan profesionalisme guru pelatih.

Institusi pendidikan swasta menawarkan kursus atau program perguruan berhasrat melahirkan bakal guru yang berkemampuan serta berkualiti di dalam kemahiran masing-masing. Justeru, setiap IPS perlu mempunyai teori atau model bagi melahirkan bakal guru yang dapat mencapai aspirasi dan Falsafah Pendidikan Kebangsaan (FPK) Malaysia serta menepati arus pendidikan negara (KPM, 2017). Hal demikian adalah kerana setiap guru pelatih yang menamatkan Ijazah Sarjana Muda Pendidikan mahupun Diploma Perguruan hanya mempelajari teori dan pengetahuan sahaja. Sehubungan itu, persiapan bagi menempatkan guru pelatih ini ke sekolah yang sebenar seharusnya mempunyai satu mekanisme yang standard bagi merapatkan jurang dalam menghadapi realiti atau keadaan sebenar di sekolah.

Selain itu, terdapat juga kajian yang mengkaji keberkesanan program praktikum yang dijalankan di institusi pendidikan swasta. Aspek yang diberikan perhatian adalah pengurusan dari segi sokongan yang diberikan kepada guru pelatih ketika praktikum di sekolah. Hasil kajian mendapati bahawa guru pelatih yang mendapat bimbingan berterusan dan maklum balas konstruktif mempunyai peluang lebih besar untuk cemerlang dalam latihan praktikum (Rahman & Khalid, 2023). Kajian ini ingin mengupas beberapa aspek pengurusan praktikum seperti bimbingan oleh guru pembimbing, pemantauan prestasi yang kerap dan penyediaan maklum balas berstruktur memainkan peranan penting dalam menentukan kecemerlangan guru pelatih. Faktor lain seperti kualiti hubungan antara institusi pendidikan dan

sekolah tempat praktikum, serta sokongan pentadbiran juga diteroka samada boleh mempengaruhi kejayaan praktikum.

### **PENYATAAN MASALAH**

Sistem pengurusan praktikum tradisional sering kali menghadapi pelbagai cabaran seperti penyelarasan yang tidak efisien, kekurangan komunikasi antara penyelia dan guru pelatih, serta penilaian yang subjektif dan tidak konsisten (Khan, 2015). Kelompangan dalam pengurusan yang sistematik dalam sesi latihan praktikum ini boleh mengurangkan kualiti latihan yang diterima oleh guru pelatih, yang seterusnya memberi impak negatif kepada kualiti pendidikan yang mereka sampaikan kelak (Ismail & Nor, 2020).

Masalah penyelarasan dan komunikasi dalam sistem pengurusan praktikum tradisional adalah sesuatu yang lazim ditemui. Kegagalan dalam penyelarasan ini sering kali disebabkan oleh kekurangan saluran komunikasi yang efisien antara institusi pendidikan, penyelia, dan guru pelatih. Hal ini boleh membawa kepada kekeliruan dalam pengagihan tugas, kekurangan maklumat terkini, dan ketidakjelasan dalam tanggungjawab setiap pihak terlibat. Contohnya, penyelia mungkin tidak menerima maklumat terkini mengenai perubahan dalam jadual atau keperluan guru pelatih, yang seterusnya menyebabkan kekeliruan dan kelewatan dalam memberikan bimbingan yang diperlukan (Zainal & Ahmad, 2021).

Sistem pengurusan praktikum tradisional seringkali menghadapi masalah dalam aspek dokumentasi dan pemantauan. Dokumentasi yang tidak sistematik dan kurang berstruktur menyebabkan kesukaran dalam menjejaki kemajuan guru pelatih (Rashid & Hamid, 2022). Tanpa dokumentasi yang baik, sukar untuk mengenal pasti kekuatan dan kelemahan guru pelatih, serta memberikan maklum balas yang konstruktif. Kesannya boleh menjejaskan keberkesanan proses latihan dan perkembangan profesional guru pelatih.

Melihat kepada isu-isu dalam kajian lepas, pengkaji berpendapat perlunya satu kajian terhadap pendekatan kompetensi pengurusan latihan praktikum guru pelatih bagi mengenal pasti dan mengatasi kelemahan dalam penyelarasan, komunikasi, penilaian, dan dokumentasi, kualiti latihan yang diterima oleh guru pelatih terutamanya bagi guru pelatih di institusi swasta. Manakala peranan pensyarah pembimbing perlu dianalisis secara mendalam bagi melihat hubungannya dengan kecemerlangan guru pelatih.

### **OBJEKTIF KAJIAN**

Kajian ini bertujuan untuk meneroka kompetensi pengurusan praktikum serta peranan pensyarah pembimbing di institusi pendidikan swasta. Objektif kajian adalah:

- i. Meneroka kompetensi pengurusan praktikum terhadap kecemerlangan guru pelatih di institusi pendidikan swasta.
- ii. Meneliti peranan pensyarah pembimbing dalam proses pengurusan praktikum di institusi pendidikan swasta.

### **SOROTAN LITERATUR**

Perbincangan keberkesanan sistem pengurusan latihan praktikum guru pelatih menjadi topik utama dalam kajian lepas. Kajian yang dijalankan oleh Ismail & Ahmad (2020) mendapati bahawa sistem pengurusan praktikum di institusi kerajaan berfungsi dengan baik dalam memastikan pelatih mendapat pengalaman mengajar yang mencukupi dan bimbingan yang efektif. Namun, kajian ini juga menyoroti keperluan untuk peningkatan dalam aspek komunikasi dan sokongan teknologi. Manakala hasil kajian Rahman & Yunus (2021) menunjukkan bahawa sistem pengurusan yang terstruktur dengan baik membantu dalam penyelarasan antara pelatih, pensyarah penyelia, dan sekolah. Sistem ini juga memastikan pelatih dapat mengikuti kurikulum praktikum dengan lebih berkesan.

Kajian pengurusan latihan praktikum guru pelatih bukan sahaja di jalankan di institusi pendidikan kerajaan, malahan institusi pendidikan swasta juga menjadi taruhan bagi mencapai matlamat praktikum yang padu. Satu kajian yang dijalankan oleh Lim & Tan (2021) telah mendapati bahawa

institusi pendidikan swasta cenderung mempunyai sistem pengurusan praktikum yang lebih fleksibel dan responsif. Sistem ini membolehkan penyesuaian segera kepada keperluan pelatih dan keadaan di lapangan. Manakala dapatan kajian yang dijalankan oleh Chong dan Lee (2022) menekankan pentingnya penggunaan sistem pengurusan digital dalam meningkatkan pengalaman praktikum. Sistem digital memudahkan komunikasi, penjadualan, dan penilaian pelatih secara lebih efisien.

Berdasarkan rumusan kajian-kajian lepas juga ada membuat perbandingan terhadap pengurusan latihan praktikum guru pelatih di antara institusi pendidikan tinggi awam dan institusi pendidikan tinggi swasta. Seperti kajian yang dijalankan oleh Nor & Zain (2022) yang telah membandingkan sistem pengurusan praktikum di institusi kerajaan dan swasta, mendapati bahawa kedua-dua jenis institusi mempunyai kelebihan dan kelemahan tersendiri. Institusi kerajaan cenderung lebih terstruktur manakala institusi swasta lebih fleksibel dan inovatif. Namun, tempoh proses pengurusan latihan praktikum ini berubah mengikut peredaran setiap masa dan pengamalan sesebuah institusi. Justeru itu timbul persoalan mengenai keperluan pengurusan latihan praktikum khususnya terhadap struktur dan inovatif dalam pengurusan.

Keberkesanan program praktikum dilihat dapat memberikan impak kepada pelajar hasil dari pengurusan yang jitu. Kajian yang telah dibuat oleh Ismail & Nor (2020) mendapati bahawa program praktikum di IPG (Institut Perguruan Guru) kerajaan memberikan impak positif terhadap pembangunan profesional guru pelatih. Pengalaman praktikal membantu meningkatkan kemahiran mengajar dan keyakinan diri pelatih. Manakala hasil dapatan kajian Zain & Harun (2021) bersetuju dengan pengalaman praktikal yang maksima dapat menyediakan guru pelatih dengan pengalaman mengajar yang realistik.

Berbeza senario keberkesanan program latihan praktikum di Institusi pendidikan swasta. Kajian yang dijalankan oleh Lee & Tan (2022) mendapati bahawa institusi swasta menawarkan program praktikum yang fleksibel dan inovatif. Guru pelatih mendapat manfaat daripada pendekatan pengajaran yang lebih terkini dan penggunaan teknologi dalam bilik darjah. Penggunaan teknologi ini juga disokong oleh Rahman dan Khalid (2023). Hasil dapatan kajian mendapati guru pelatih di institusi swasta lebih yakin dalam menggunakan teknologi pendidikan. Walau bagaimanapun, terdapat cabaran dalam penyesuaian kurikulum praktikum dengan keperluan sebenar di sekolah-sekolah.

Kedua-dua pengurusan latihan praktikum di Institut Pendidikan Awam dan Institut Pendidikan Swasta bermatlamatkan keberkesanan latihan dan pembangunan profesional. Kajian lepas yang dijalankan oleh Mahmood dan Ismail (2020) mendapati bahawa latihan dan pembangunan profesional yang berterusan adalah penting untuk meningkatkan kemahiran pedagogi dan keyakinan diri guru pelatih. Guru Pelatih yang terlibat dalam program pembangunan profesional secara konsisten menunjukkan peningkatan yang ketara dalam prestasi mengajar mereka. Justeru, latihan ini memerlukan bimbingan daripada mentor. Ini adalah kerana hubungan yang positif dan sokongan yang berkesan daripada mentor membantu pelatih menghadapi cabaran mengajar dengan lebih baik (Aziz & Yusof, 2021).

Terdapat kajian lepas juga yang mendapati penggunaan teknologi dalam latihan guru pelatih mempunyai relevansi pengurusan praktikum. Kajian yang dijalankan oleh Lee dan Tan (2021) mendapati bahawa penggunaan alat digital dan teknologi dalam latihan guru pelatih meningkatkan keberkesanan pengajaran dan pembelajaran. Pelatih yang menggunakan teknologi menunjukkan peningkatan dalam kreativiti dan inovasi dalam pengajaran. Manakala kajian yang dijalankan oleh Rashid dan Hamid (2022) semasa pandemik COVID-19, guru pelatih juga menunjukkan fleksibiliti dan adaptasi yang lebih baik dalam pengajaran iaitu dengan menekankan e-pembelajaran semasa pengajaran dan pembelajaran.

Secara keseluruhannya, kajian literatur ini menunjukkan bahawa sistem pengurusan praktikum di institusi pendidikan di Malaysia memainkan peranan penting dalam memastikan keberkesanan dan kualiti pengalaman praktikum guru pelatih. Walaupun terdapat cabaran dalam kedua-dua jenis institusi awam dan swasta, penambahbaikan berterusan dalam aspek kompetensi pengurusan dan peranan individu yang dipertanggungjawabkan memastikan kelestarian tercapai.

## METODOLOGI

### Rekabentuk Kajian

Kajian rintis kompetensi pengurusan praktikum terhadap kecemerlangan guru pelatih di institusi pendidikan swasta ini menggunakan pendekatan kualitatif sepenuhnya. Data yang telah diperolehi dikumpul melalui sesi temu bual yang telah dijalankan untuk mendapatkan pandangan dan pengalaman daripada informan yang dipilih. Pemilihan ini berdasarkan kepada individu yang mempunyai tugas yang khusus dalam pengurusan paraktikum di IPS masing-masing. Hal demikian adalah sebagai persiapan kepada penyelidik bagi melihat senario yang sebenar dalam pandangan yang diberikan itu dapat menjawab persoalan-persoalan kajian yang telah disediakan. Matlamat tinjauan awal bagi sesi temu bual ini adalah untuk menilai keberkesanan instrumen protokol temu bual dari segi kejelasan soalan dan kebolehfahaman makna yang membolehkan informan memberikan respons yang lancar, jujur dan meyakinkan. Pemilihan Institusi Pendidikan Swasta (IPS) sebagai lokasi kajian pula bertujuan untuk membolehkan penyelidik memperoleh gambaran yang menyeluruh mengenai kesesuaian pendekatan yang digunakan, amalan pengurusan semasa, serta corak tatakelola yang diamalkan dalam pelaksanaan latihan praktikum di institusi-institusi berkenaan.

### Informan Kajian

Penyelidik memilih satu IPS yang berada di zon selatan negeri Selangor. Informan ini diberikan kod singkatan tertentu bertujuan menjaga keperibadian informan. Informan ini merupakan individu yang menguruskan latihan praktikum di IPS masing-masing. Informan yang kedua adalah pensyarah pembimbing yang telah dipilih dari aspek pengalaman dalam membimbing guru pelatih dan latarbelakang pendidikan yang mempunyai ikhtisas pendidikan.

### Analisis Data

Data temu bual dianalisis menggunakan teknik pengkodan tematik. Teknik ini bagi melihat tema utama yang diterbitkan sewaktu sesi temu bual bersama informan. Manakala analisis dokumen pula diperolehi dari dokumen penilaian prestasi guru pelatih yang telah dilengkapkan oleh guru dan pensyarah pembimbing untuk dibuat penilaian.

## DAPATAN DAN PERBINCANGAN

### Kompetensi Pengurusan Praktikum di Institusi Pendidikan Swasta

Dapatan kajian kompetensi pengurusan praktikum di institusi pendidikan swasta telah menghasilkan tema aspek polisi dan prosedur, penyeliaan, komunikasi, dokumentasi dan penilaian. (Sila rujuk Jadual 1.)

#### Jadual 1: Tema Kajian Rintis Kompetensi Pengurusan Praktikum



### Aspek Polisi dan Prosedur

Tema aspek polisi dan prosedur dalam kajian rintis ini menghasilkan sub tema penentuan kelayakan pelajar, pengurusan permit mengajar dan adaptasi polisi berdasarkan panduan dan tradisi.

### Penentuan Kelayakan Pelajar

Bagi setiap pengurusan praktikum di IPS, aspek polisi dan prosedur yang telah ditetapkan dalam perkara khusus perlu diambil perhatian yang serius. Penentuan kelayakan guru pelatih sebelum menjalani latihan praktikum perlu ditentukan agar guru pelatih ini benar-benar layak dan mengikut prosedur yang ketat.

*"Okay, job description saya adalah pada menguruskan praktikum... melantik pelajar bukan melantiklah memilih pelajar itu, siapa yang patut dan tak patut"*

Kajian Rintis / KR P01 [01]

Polisi dan prosedur pengurusan praktikum memfokuskan dalam menentukan kelayakan guru pelatih sebelum latihan di sekolah adalah merupakan aspek utama. Hal demikian adalah kerana ada beberapa syarat dan peraturan tertentu perlu di penuhi oleh guru pelatih. Seorang penyelaras latihan praktikum perlu memastikan guru pelatih menyelesaikan kursus akademik di universiti terlebih dahulu. Penyelaras latihan praktikum dilihat perlu mempunyai komunikasi yang baik bersama ketua program agar penentuan kelayakan pelajar untuk menjalani latihan praktikum berjalan dengan lancar.

*"KP (Ketua Program) akan check baliklah siapa yang tak layak berdasarkan kepada student ini dah habis subjek yang sepatutnya diambil atau tidak."*

Kajian Rintis / KR P01 [02]

### Pengurusan Permit

Penyelaras latihan praktikum juga perlu menguruskan permohonan permit mengajar. Permit mengajar ini diperlukan kepada guru pelatih kerana mereka belum mempunyai kelayakan penuh sebagai guru tetapi hanya dibenarkan menjadi guru sementara. Pengeluaran permit mengajar ini bertujuan memastikan bahawa hanya individu yang memenuhi syarat-syarat tertentu sahaja dibenarkan mengajar secara sah di institusi pendidikan, walaupun dalam tempoh latihan. Proses ini turut berfungsi sebagai satu bentuk kawalan kualiti oleh pihak berkuasa pendidikan, bagi menjamin standard dan integriti sistem pendidikan. Setiap negeri mempunyai garis panduan tersendiri yang ditetapkan oleh Jabatan Pendidikan Negeri (JPN) masing-masing, termasuk aspek kelayakan minimum, tempoh latihan, serta keperluan dokumentasi yang perlu dipatuhi sebelum permit dikeluarkan. Sebagai contoh dalam negeri Selangor hanya dua orang guru pelatih sahaja yang dibenarkan menjalani praktikum di sekolah. Senario ini terjadi kerana persaingan dan jumlah guru pelatih yang memohon sekolah di sekitar lembah Klang adalah tinggi.

*"Dari segi permit yang strict sekarang adalah dari negeri Selangor... terlampau banyak guru pelatih."*  
Kajian Rintis / KR P01 [03]

*"So sekarang ini fokus kepada Selangor... tetapi baru ini ada cerita lain pula yang akan berpraktikum bulan dua ini, tiba-tiba ada sekolah tanpa membenarkan tujuh orang."*  
Kajian Rintis / KR P01 [03]

Oleh itu, penyelaras latihan praktikum perlu berurusan secara teliti dan sistematik dengan pihak berkuasa pendidikan untuk memastikan semua urusan permohonan permit berjalan lancar dan mematuhi garis panduan perundangan serta dasar pendidikan yang ditetapkan. Kelewatan atau kegagalan dalam mendapatkan permit boleh menjejaskan kelancaran pelaksanaan praktikum serta pengalaman pengajaran guru pelatih di sekolah.

### **Adaptasi Polisi Berdasarkan Panduan dan Tradisi**

Sesuatu polisi dalam sesebuah institusi pendidikan swasta khususnya dalam bidang latihan praktikum, sering kali dibentuk dan dibekalkan berdasarkan amalan tradisi yang telah diamalkan sejak sekian lama.

*"Polisi itu lebih kepada turun-temurunlah sebenarnya."*

Kajian Rintis / KR P01 [05]

Menurut Schuster dan Van Gorp (2022), polisi dalam pendidikan swasta sering kali berubah berdasarkan keperluan institusi dan peraturan negeri, tetapi masih mengekalkan unsur tradisi yang diwarisi dalam pengurusan latihan guru. Sebaliknya, polisi yang dibentuk melalui amalan adaptasi dan tradisi mempunyai kekangan dalam mengekalkan kesahannya. Kesan daripada itu, sesuatu dokumentasi seperti instrumen atau format tidak mengikut aliran semasa. Justeru, cadangan kepada pihak IPS untuk menambahbaik polisi dan prosedur seperti mengadakan bengkel pemurnian atau membuat *bench marking* terhadap IPTA yang lain.

### **Aspek Penyeliaan**

Aspek penyeliaan dalam latihan praktikum merujuk kepada proses pemantauan, bimbingan, dan penilaian yang dilakukan oleh penyelia (pensyarah pembimbing dan guru pembimbing) terhadap guru pelatih semasa menjalani praktikum. Terdapat dua sub tema yang terhasil iaitu peranan penyeliaan daripada pensyarah pembimbing dan sokongan kepada pensyarah dan guru pembimbing.

#### **a. Peranan Penyeliaan Daripada Pensyarah Pembimbing**

Sepanjang tempoh praktikum, pensyarah pembimbing mempunyai peranan yang dominan dalam menyelia guru pelatih. Setiap proses penyeliaan khususnya pemantauan di sekolah mempunyai pelbagai peringkat sama ada secara rasmi mahu pun tidak rasmi.

*"Peranan pensyarah secara keseluruhan adalah yang paling besar sekali adalah menyelia lah. Okey, menyelia sebanyak dua kali... pergi ke sekolah sebanyak empat kali."*

Kajian Rintis / KR P01 [07]

*"Penyeliaan pertama bertemu dengan guru, memperkenalkan murid pada sekolah, dan menjelaskan tugas-tugas... yang kedua dan ketiga adalah penyeliaan dalam kelas, dan yang keempat berbincang pasal markah dengan guru pembimbing serta feedback dari guru besar."*

Kajian Rintis / KR P01 [08]

Menurut Richards dan Farrell (2021), menekankan bahawa penyeliaan klinikal dalam praktikum guru membantu meningkatkan keberkesanan latihan dengan memberi maklum balas serta membimbing guru pelatih dalam mengatasi cabaran pengajaran sebenar di dalam bilik darjah. Justeru, penyeliaan klinikal ini perlu mempunyai tahap dan tidak berkesan jika penyeliaan hanya sekali sahaja. Tahap penyeliaan adalah seperti lawatan pertama iaitu sebagai aktiviti pengenalan kepada pihak sekolah dan

penjelasan tugas guru pelatih. Lawatan kedua adalah kelas untuk pemantauan terhadap proses pengajaran dan pembelajaran (P&P). Manakala perbincangan akhir menjalankan aktiviti maklum balas bersama guru pembimbing dan pentadbir sekolah mengenai prestasi guru pelatih.

#### **b. Sokongan kepada Pensyarah dan Guru Pembimbing**

Aspek sokongan kepada pensyarah dan guru pembimbing merujuk kepada bantuan, kemudahan, dan panduan yang diberikan bagi memastikan proses penyeliaan dan bimbingan guru pelatih berjalan dengan lancar. Sokongan ini boleh berbentuk dokumen rasmi, platform digital, taklimat, serta panduan penyelesaian masalah bagi meningkatkan keberkesanan praktikum.

*"Sokongan dari segi menyediakan borang-borang sahajalah... ada Google Classroom."*

Kajian Rintis / KR P01 [09]

Penyelaras latihan praktikum juga memberikan taklimat kepada pensyarah dan guru pembimbing bagi memberi pemahaman yang jelas tentang proses penyeliaan. Taklimat ini merangkumi maklumat mengenai kemungkinan cabaran yang bakal dihadapi serta cadangan penyelesaian masalah untuk memastikan kelancaran proses praktikum.

*"Ada taklimat sebelum menyelia, termasuk beritahu masalah kemungkinan... dan cara-cara nak mengelak atau membetulkan."*

Kajian Rintis / KR P01 [10]

Taklimat sebelum penyeliaan merupakan langkah persediaan penting dalam memastikan kelancaran latihan praktikum guru pelatih di Institusi Pendidikan Swasta (IPS). Penyelaras latihan praktikum bertanggungjawab menyampaikan taklimat kepada pensyarah pembimbing dan guru pembimbing bagi memberikan pemahaman yang jelas mengenai proses penyeliaan, termasuk ekspektasi, prosedur penyeliaan, cabaran yang mungkin dihadapi, serta strategi penyelesaian masalah. Hudson (2022), menegaskan bahawa taklimat yang komprehensif sebelum latihan praktikum dapat meningkatkan keberkesanan penyeliaan dan meminimumkan konflik antara pelatih, penyelia, dan sekolah. Taklimat ini memainkan peranan penting dalam menjelaskan peranan dan tanggungjawab setiap pihak dalam proses praktikum, mengenal pasti cabaran yang mungkin timbul serta kaedah penyelesaiannya, mewujudkan keseragaman dalam bimbingan dan penilaian guru pelatih dan meningkatkan komunikasi dan kerjasama antara pihak yang terlibat.

#### **Aspek Komunikasi**

Aspek komunikasi merujuk kepada cara, medium, dan strategi yang digunakan untuk menyampaikan maklumat, berinteraksi, serta memastikan kelancaran hubungan antara penyelaras latihan praktikum dan pensyarah pembimbing. Komunikasi yang efektif membantu dalam pemantauan, penyelarasan tugas, serta penyelesaian masalah secara lebih cepat dan mudah. Sub tema yang terhasil adalah saluran komunikasi dan strategi untuk meningkatkan komunikasi.

#### **Saluran Komunikasi yang Digunakan**

Penyelaras latihan praktikum telah memilih medium digital bagi menggunakan saluran komunikasi yang digunakan. Aplikasi *WhatsApp* telah dipilih memandangkan aplikasi tersebut murah, cepat dan efisien dalam berkomunikasi diantara pensyarah pembimbing.

*"Selalunya digunakan WhatsApp group lah. Itu paling mudah, paling senang, murah, jimat dan segala-galanya."*

Kajian Rintis / KR P01 [17]

#### **Strategi untuk Meningkatkan Komunikasi**

Penyelaras latihan praktikum memilih komunikasi secara bersemuka bagi meningkatkan komunikasi terutama sekali dalam memastikan pemahaman yang lebih jelas dan merapatkan hubungan agar menjadi lebih kukuh.

*"Saya buat musu-musu secara mudah sekali dengan berdepanlah kan. Secara berdepan pun Google Meet lah."*

Kajian Rintis / KR P01 [23]

Memandangkan kadang kala pensyarah pembimbing mempunyai tugas lain sehingga menyebabkan komunikasi secara bersemuka tidak dapat dijalankan, penyelaras latihan praktikum menjadikan *Google Meet* sebagai alternatif agar perbincangan dapat terus dilakukan.

*"Secara sampaikan maklumat itu. Medium WhatsApp group lah paling mudah sekali semua saya buat WhatsApp group."*

Kajian Rintis / KR P01 [24]

Strategi untuk meningkatkan komunikasi di IPS dilihat positif. Penyelaras latihan praktikum menggunakan saluran digital komunikasi dengan baik seperti penggunaan *WhatsApp Group*, *Google Meet* dan ada juga dinyatakan komunikasi secara bersemuka. Kajian ini bertepatan dengan kajian yang dijalankan oleh Hampel dan Stickler (2020), menyatakan bahawa integrasi teknologi komunikasi dalam latihan guru membantu meningkatkan keberkesanan bimbingan dan interaksi profesional.

### **Aspek Dokumentasi**

Aspek dokumentasi dalam praktikum merujuk kepada pengumpulan, penyediaan dan penyelarasan dokumen rasmi yang diperlukan oleh guru pelatih, pensyarah pembimbing, dan guru pembimbing sepanjang tempoh latihan praktikum. Dokumentasi ini bertujuan untuk menilai prestasi, memantau perkembangan, dan memastikan semua prosedur penyeliaan dijalankan dengan sistematik. Terdapat dua sub tema yang terhasil seperti jenis dokumen utama dan penyelarasan dokumentasi.

### **Jenis Dokumen Utama**

Guru pelatih perlu menyediakan tiga dokumen utama, iaitu Rancangan Pengajaran Harian (RPH), Portfolio yang mengandungi refleksi dan bukti aktiviti pengajaran manakala yang ketiga adalah Rekod Orientasi Sekolah (ROS) bagi merakam maklumat berkaitan proses orientasi di sekolah.

*"Pelajar ada tiga dokumen yang penting iaitu RPHarian, portfolio dan ROS. Okey, dokumen itu adalah tiga yang penting sekali untuk dia orang sediakan."*

Kajian Rintis / KR P01 [25]

Manakala pensyarah pembimbing bertanggungjawab terhadap tiga borang utama iaitu PR1 (Borang Bimbingan Praktikum), PR2 ( Borang Prestasi Guru Pelatih Program Praktikum), PR4 (Borang Penilaian Internship).

*"Pensyarah, okay, ada borang PR satu. Okey, ada borang tiga borang sebenarnya, PR satu, PR empat dan PR dua iaitu internship, RPH dan ya, berjalan bersama."*

Kajian Rintis / KR P01 [26]

### **Penyelarasan Dokumentasi**

Penyelaras latihan praktikum menyelaraskan penyelarasan dokumentasi kepada dua kategori iaitu kategori pertama adalah ketetapan dan pemantauan. Penyelaras latihan praktikum harus memastikan semua dokumentasi tersusun, lengkap, dan dihantar mengikut jadual yang ditetapkan.

*"Maknanya sempurna dan tetap. Selalunya saya serahkan kepada bimbinglah. Sebab bila saya nak deal dengan seorang-seorang itu memang tak cukup masalah. So selalunya saya pergi dekat pensyarah bimbing, waktu ini, waktu ini kena hantar."*

Kajian Rintis / KR P01 [28]

Manakala kategori yang kedua merupakan pembahagian tanggungjawab. Penyelaras latihan praktikum perlu memastikan pensyarah pembimbing bertanggungjawab memastikan dokumen guru pelatih lengkap sebelum dihantar.

*"Pensyarah bimbinglah akan check benda itu semua itu."*

Kajian Rintis / KR P01 [29]

Dokumentasi dalam latihan praktikum ini merupakan aspek penting dalam pemantauan dan penilaian guru. Setiap kategori seperti guru pelatih dan pensyarah pembimbing mempunyai borang dokumennya yang tersendiri untuk mengukur penilaian prestasi, pemantauan, pengembangan dan pengurusan rekod peribadi secara sistematik. Menurut Korthagen (2021), menegaskan bahawa dokumentasi reflektif dalam latihan guru membantu meningkatkan kefahaman pelatih mengenai kekuatan dan kelemahan mereka dalam pengajaran.

### **Aspek Penilaian**

Aspek penilaian dalam praktikum merujuk kepada proses menilai prestasi, kompetensi, dan perkembangan guru pelatih berdasarkan kriteria yang telah ditetapkan. Penilaian dilakukan oleh pensyarah pembimbing dan guru pembimbing menggunakan instrumen khusus yang merangkumi pelbagai aspek seperti dokumentasi, pengajaran dan pembelajaran (P&P), sahsiah, pergaulan, serta projek akademik.

### **Instrumen Penilaian Untuk Guru Pelatih**

Instrumen utama dalam penilaian guru pelatih adalah borang penilaian rasmi yang mengandungi beberapa aspek utama iaitu dokumentasi bagi menilai kelengkapan dan kualiti bahan dokumentasi seperti RPH, portfolio, dan ROS. Pengajaran dan Pembelajaran (P&P) pula bagi menilai keupayaan guru pelatih dalam melaksanakan sesi pengajaran secara berkesan. Sahsiah bagi mengukur nilai-nilai profesionalisme dan etika dalam menjalankan tugas dan pergaulan bagi menilai interaksi sosial guru pelatih dengan kakitangan sekolah.

*"Instrumen dia dari segi dokumentasi tadilah, ada borang dia. Borang tersebut ada beberapa aspek yang akan dilihat, dari segi dokumentasi, P&P, sahsiah, pergaulan, dan projek."*

Kajian Rintis / KR P01 [36]

### **Maklum Balas dan Cabaran**

Maklum balas yang diberikan oleh pensyarah pembimbing memainkan peranan penting dalam mengenal pasti kelemahan guru pelatih serta membimbing mereka untuk penambahbaikan.


*"Maklum balas dari guru bimbing dan pensyarah bimbing membantu mengenal pasti kelemahan pelajar."*

Kajian Rintis / KR P01 [38]

Penilaian dilakukan melalui instrumen rasmi yang mengukur kepelbagaian aspek mempunyai reflektif yang baik. Dapatan ini sejajar dengan kajian Darling-Hammond (2022) yang menyatakan bahawa sistem penilaian yang menyeluruh perlu melibatkan maklum balas formatif dan sumatif untuk memastikan guru pelatih mendapat bimbingan yang sesuai sepanjang latihan.

### **Peranan Pensyarah Pembimbing Dalam Proses Pengurusan Praktikum Di Institusi Pendidikan Swasta.**

Pensyarah pembimbing berperanan sebagai pembimbing dalam menyediakan guru pelatih menghadapi realiti sekolah, tempat rujukan, dan penghubung dalam memastikan kelancaran proses praktikum guru pelatih di Institusi Pendidikan Swasta. Mereka bertanggungjawab membantu guru pelatih menyesuaikan diri dengan persekitaran sekolah, memberikan bimbingan profesional, serta menjadi perantara antara guru pelatih, guru pembimbing, dan pentadbir sekolah. (Sila rujuk Jadual 2).

**Jadual 2: Tema Kajian Rintis Peranan Pensyarah Pembimbing**

### Menyediakan Pelajar Menghadapi Realiti Sekolah

Pensyarah pembimbing memainkan peranan penting dalam membimbing guru pelatih untuk memahami realiti dunia pendidikan sebenar. Bimbingan ini meliputi pedagogi, pengurusan kelas, serta cabaran sebenar di sekolah, bagi membantu guru pelatih menyesuaikan diri dengan sistem pendidikan di institusi swasta.

*"Bagi pelajar yang fresh, mereka tiada pengalaman langsung tentang keadaan sekolah. Di institusi, mungkin mereka guna bilik micro teaching dengan aircond dan peralatan canggih, tetapi di sekolah, bilik darjah mungkin hanya ada papan tulis dan meja yang tidak proper. Pensyarah perlu membantu pelajar menerima seadanya keadaan di sekolah."*

Kajian Rintis / KR P02 [04]

Pensyarah pembimbing merupakan tunjang dalam membawa guru pelatih menghadapi realiti di sekolah. Hal ini perlu dilihat kepada kemampuan atau keupayaan pensyarah dalam memberi komitmen terhadap penyeliaan. Pihak IPS perlu menekankan latar belakang setiap pensyarah pembimbing terutama sekali yang mempunyai ikhtisas pendidikan dan juga pengalaman mereka mengajar di sekolah. Sehubungan itu, aspek ikhtisas dan pengalaman mengajar dapat membiasakan pensyarah tersebut dengan budaya dan suasana di sekolah. Sebaliknya, pensyarah yang tiada ikhtisas dan pengalaman tidak dapat menyalurkan aspek realiti sekolah kepada pelajar.

Selain itu, bimbingan ilmu pedagogi terutama dalam aspek perancangan, pelaksanaan dan refleksi pengajaran perlu diperkasakan kepada guru pelatih. Pensyarah pembimbing perlu memberi panduan dalam penyediaan Rancangan Pengajaran Harian (RPH) mengikut standard kurikulum, strategi pengajaran dan penggunaan bahan bantu mengajar (BBM) untuk meningkatkan keberkesanan sesi pembelajaran dan pengurusan kelas untuk memastikan kawalan disiplin dan interaksi yang baik dengan murid. Menurut Darling-Hammond dan Bransford (2021) menekankan bahawa bimbingan pedagogi yang sistematik oleh pensyarah pembimbing boleh meningkatkan keyakinan dan keberkesanan guru pelatih dalam mengendalikan kelas sebenar.

### Tempat Rujukan Utama

Guru pelatih lebih selesa merujuk kepada pensyarah pembimbing berbanding individu lain di sekolah kerana hubungan akademik yang telah terjalin. Mereka bukan sahaja memberikan bimbingan profesional, tetapi juga menjadi tempat guru pelatih meluahkan perasaan dan berkongsi cabaran sepanjang praktikum.

*"Pensyarah penyelia menjadi tempat rujukan kepada pelajar. Mereka lebih selesa bertanya dan meluahkan perasaan kepada penyelia yang lebih dekat, berbanding individu lain di sekolah."*

Kajian Rintis / KR P02 [02]

Pensyarah pembimbing memainkan peranan penting sebagai tempat rujukan utama bagi guru pelatih semasa menjalani latihan praktikum. Dalam konteks ini, peranan pensyarah bukan sekadar menyelia aspek pengajaran tetapi juga menjadi mentor, fasilitator, dan penyokong emosi bagi memastikan pengalaman praktikum berjalan dengan lancar.

Kajian telah menunjukkan bahawa hubungan baik antara guru pelatih dan pensyarah pembimbing dapat meningkatkan motivasi serta keyakinan pelatih dalam menghadapi realiti pengajaran di sekolah (Caires & Almeida, 2022). Oleh itu, peranan ini bukan sahaja berfokus kepada penilaian dan pemantauan tetapi juga merangkumi bimbingan, sokongan emosi, dan penyelesaian masalah dalam pelbagai aspek profesionalisme perguruan.

### **Penghubung Antara Pihak Berkepentingan**

Pensyarah pembimbing berperanan sebagai orang tengah antara guru pelatih, guru pembimbing dan pentadbir sekolah bagi memastikan kelancaran praktikum berjalan dengan lancar dan mencapai objektif yang ditetapkan. Mereka membantu dalam menyelesaikan sebarang konflik atau isu yang timbul, serta memastikan kolaborasi yang baik antara semua pihak terlibat dalam latihan guru pelatih.

*"Pensyarah juga berperanan sebagai orang tengah antara pelajar, guru pembimbing, dan pentadbir sekolah."*

Kajian Rintis / KR P02 [03]

Pensyarah pembimbing memainkan peranan penting sebagai orang tengah dalam ekosistem latihan praktikum guru pelatih di Institusi Pendidikan Swasta. Sebagai orang tengah, pensyarah pembimbing bertanggungjawab dalam memastikan komunikasi yang berkesan antara pelajar dan pihak sekolah, menyelesaikan konflik dan isu yang timbul sepanjang tempoh praktikum, menyelaraskan ekspektasi dan keperluan antara institusi pendidikan dan sekolah dan membantu membangunkan hubungan profesional yang kukuh antara semua pihak berkepentingan.

Menurut Hudson (2022), menekankan bahawa peranan pensyarah pembimbing sebagai fasilitator dalam latihan praktikum adalah penting untuk menjamin hubungan profesional yang berkesan antara institusi pendidikan dan sekolah. Oleh itu, pensyarah pembimbing bukan sahaja bertindak sebagai penyelia akademik, tetapi juga sebagai pemudah cara dalam menjalin kerjasama erat antara pelbagai pihak untuk menjayakan latihan praktikum guru pelatih.

### **KESIMPULAN**

Secara asasnya, kompetensi pengurusan praktikum perlu mempunyai aspek yang bersistematik serta pengendalian secara komprehensif. Setiap Institusi Pendidikan Swasta perlu melantik penyelaras latihan praktikum yang berwibawa, berenergi serta mampu berhubung dengan pihak luar. Keupayaan penyelaras latihan praktikum di Institusi Pendidikan Swasta perlu mempraktikkan setiap polisi dan prosedur yang terkini kerana mempunyai hubungan dengan entiti luar seperti pihak penguatkuasaan pendidikan mengikut negeri masing-masing. Ini memastikan guru pelatih dapat memulakan latihan praktikum mereka tanpa sebarang kelewatan, membolehkan mereka memenuhi keperluan kurikulum dan tempoh latihan yang ditetapkan. Penyelaras latihan praktikum juga perlu lebih agresif dalam mengendalikan komunikasi kerana kepelbagaian klien yang berbeza. Namun isu ini dapat ditangani dengan keterbukaan penyelaras latihan praktikum menggunakan komunikasi digital dan platform yang mudah dan cepat dalam menghubungkan kefahaman dan kemahiran. Manakala pensyarah pembimbing pula sebagai medium dalam memberikan realiti atau suasana persekolahan sebenar dilihat penuh dengan tanggungjawab. Perkara ini tidak dapat direalisasikan tanpa mempunyai hubungan pembimbing dan tempat rujuk dalam pelbagai perkara berkenaan isu di sekolah. Oleh itu, kompetensi pengurusan praktikum perlu diteroka dengan lebih mendalam lagi bagi memberikan satu pengurusan organisasi, akademik dan sistem yang jitu.

### **PENGHARGAAN**

Penulis mengucapkan terima kasih kepada Universiti Islam Selangor sebagai penyedia geran penyelidikan melalui Geran Penyelidikan Dan Inovasi UIS (Kod Rujukan: RMS-2024-000018) yang membolehkan penulis menjalankan penyelidikan ini.

### **RUJUKAN**

Ahmad, N. (2016). *Meneroka penggunaan model penyeliaan kaunseling dalam kalangan penyelia latihan profesional di universiti awam*. University of Malaya (Malaysia).

- Aziz, A., & Yusof, S. (2021). "The Role of Mentoring in the Professional Development of Teacher Trainees." *Malaysian Journal of Teacher Education*, 14(2), 89-102.
- Caires, S., & Almeida, L. (2022). *Mentoring in Teacher Education: Support and Challenges in Practicum*. Teaching and Teacher Education, 110, 103643.
- Chong, S. C., & Lee, J. H. (2022). "The Role of Digital Management Systems in Enhancing Practicum Experiences in Private Institutions." *Journal of Educational Technology and Management*, 16(1), 67-81.
- Darling-Hammond, L. (2022). *Teacher Preparation for a Changing World: What Teachers Should Learn and Be Able to Do*. Harvard Education Press.
- Hampel, R., & Stickler, U. (2020). *Developing Online Language Teaching: Research-Based Pedagogies and Reflective Practices*. Palgrave Macmillan.
- Hudson, P. (2022). *Mentoring and Coaching for Teacher Development*. Routledge
- Ismail, M., & Ahmad, Z. (2020). "Effectiveness of Practicum Management Systems in Malaysian Public Educational Institutions." *Journal of Education Management*, 12(1), 45-58.
- Ismail, N., & Nor, M. (2020). "The Impact of Practicum on Teacher Trainees' Professional Development in Malaysian Public Institutes of Education." *Journal of Education and Learning*, 9(3), 102-112
- Kementerian Pendidikan Malaysia. (2017). Dasar pendidikan kebangsaan.
- Khan, A. R. A. M. (2015). *Penyeliaan Klinikal dari Perspektif Pengajaran di Sekolah*. PTS Professional.
- Korthagen, F. (2021). *Reflective Teaching and Learning: A Guide to Professionalism in Education*. Routledge.
- Lim, P. K., & Tan, H. Y. (2021). "Practicum Management Systems in Private Teacher Education Institutions: An Analytical Study." *International Journal of Education Management*, 14(3), 102-116.
- Nor, M., & Zain, A. F. (2022). "Comparative Analysis of Practicum Management Systems in Public and Private Teacher Education Institutions in Malaysia." *Journal of Comparative Education*, 18(1), 50-65.
- Rahman, A. R., & Khalid, M. (2023). "Practicum Experiences in Private Teacher Education Institutes: A Comparative Study." *Asian Journal of Teacher Education*, 15(3), 120-134.
- Rahman, N. A., & Yunus, M. (2021). "Evaluating the Impact of Management Systems on Teacher Training Practicums in Public Institutions." *Malaysian Journal of Education Administration*, 13(2), 75-89.
- Rashid, N., & Hamid, F. (2022). "The Impact of E-Learning on Teacher Trainees during Practicum: A Malaysian Perspective." *Journal of Online Learning and Teaching*, 15(1), 54-68.
- Richards, J. C., & Farrell, T. S. C. (2021). *Practice Teaching: A Reflective Approach*. Cambridge University Press.
- Schuster, C., & Van Gorp, K. (2022). *Educational Policies and Practices in Private Schools: Global Perspectives*. Springer.
- Sulaiman, S. N. H. (2024). Persepsi Guru Pelatih Terhadap Pengalaman Praktikum: Satu Kajian Rintis. *E-Prosiding*, 120.
- Ujang, A. (2016). *Pembangunan modul pembelajaran webquest pendidikan kesihatan untuk guru pelatih murid bermasalah pembelajaran*. University of Malaya (Malaysia).
- Zainal, M., & Ahmad, N. (2021). *Communication challenges in traditional practicum management systems*. *Journal of Educational Practice*, 32(4), 50-62.